

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada jam **1200, Khamis, 9 November 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG,
SUKU TAHUN KETIGA 2023

**Hasil Sektor Perkhidmatan Tumbuh 7.6 peratus untuk Merekodkan
RM584.0 bilion pada Suku Tahun Ketiga 2023**

PUTRAJAYA, 9 NOVEMBER 2023 – Hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 7.6 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun ketiga 2023 untuk merekodkan sebanyak RM584.0 bilion. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Ketiga 2023**. Laporan ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi, Hartanah; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan Pendapatan e-Dagang.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas bahawa, "Pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus dirangsang oleh prestasi yang menggalakkan bagi semua segmen di bawah sektor Perkhidmatan. Peningkatan ketara dicatatkan oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang meningkat RM28.7 bilion kepada RM446.6 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (+RM7.2 bilion; 9.8%), segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (+RM3.1 bilion; 9.4%) dan segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (+RM2.2 bilion; 12.3%)."

Mengulas mengenai pendapatan e-Dagang, Ketua Perangkawan berkata, “ia mencatatkan nilai sebanyak RM289.5 bilion iaitu bertumbuh 5.4 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun ketiga 2023. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pendapatan e-Dagang meningkat sebanyak 3.2 peratus.”

Beralih kepada analisis perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, jumlah hasil pada suku ketiga 2023 merekodkan kenaikan 2.8 peratus (+RM15.8 bilion) berbanding suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini turut didorong oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang meningkat 3.0 peratus (+RM13.1 bilion). Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (+RM1.1 bilion; 1.4%), segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (+RM0.8 bilion; 4.3%) dan segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (+RM0.8 bilion; 2.2%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah “Jumlah pekerja dalam sektor ini seramai 4.4 juta orang, meningkat 79.4 ribu orang atau 1.8 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 37.2 ribu orang atau 1.9 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan (+15.0 ribu orang; 4.2%). Bagi suku tahun-ke-suku tahun, jumlah pekerja bertumbuh 0.6 peratus, meningkat 24.4 ribu orang.”


Gaji dan upah yang dibayar mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.1 bilion atau 3.6 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan & Penyimpanan yang masing-masing bertambah sebanyak RM0.4 bilion (+2.6%) dan RM0.2 bilion (+5.8%). Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, gaji dan upah berkembang 0.9 peratus untuk mencatatkan RM31.8 bilion pada suku tahun ketiga 2023.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan.”


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan




Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti



Carta 5: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Sokongan



Carta 6: Pendapatan e-Dagang



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 NOVEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, November 9, 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME,
THIRD QUARTER 2023

**Services Sector Revenue Grew 7.6 per cent to Record RM584.0 billion
in the Third Quarter of 2023**

PUTRAJAYA, NOVEMBER 9, 2023 – Services sector revenue registered a growth of 7.6 per cent year-on year in the third quarter of 2023 to record RM584.0 billion. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **The Quarterly Services Statistics, Third Quarter 2023**. This report presents statistics on Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverages; Professional; Private Health; Private Education; Accommodation; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate; Administrative & Support Service; Personal Services & Other Activities, and Income of e-Commerce.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented that "The growth of 7.6 per cent was spurred by favourable performance in all segments of the Services sector. The significance increased was recorded in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment which rose RM28.7 billion to reach RM446.6 billion. This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment (+RM7.2 billion; 9.8%), Professional, Real Estate and Administrative & Support Service segment (+RM3.1 billion; 9.4%), and Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities segment (+RM2.2 billion; 12.3%)."

Commenting on the e-Commerce income, the Chief Statistician said, “it recorded RM289.5 billion, grew 5.4 per cent year-on-year in the third quarter of 2023. For quarter-on-quarter comparison, income of e-commerce increased by 3.2 per cent.”

Looking at analysis by quarter-on-quarter comparison, total revenue for Services sector in the third quarter of 2023 posted an increase of 2.8 per cent (+RM15.8 billion) as compared to the preceding quarter. The growth was also propelled by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment, which grew 3.0 per cent (+RM13.1 billion). This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment (+RM1.1 billion; 1.4%), Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities segment (+RM0.8 billion; 4.3%), and Professional, Real Estate and Administrative & Support Service segment (+RM0.8 billion; 2.2%).

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “The number of persons engaged in this sector was 4.4 million persons, increased 79.4 thousand persons, or 1.8 per cent year-on-year. The rise was driven by Wholesale & Retail Trade sub-sector with an increase of 37.2 thousand persons, or 1.9 per cent, followed by the Transportation & Storage sub-sector (+15.0 thousand persons; 4.2%). For quarter-on-quarter, the number of persons engaged grew by 0.6 per cent, which amounted to 24.4 thousand persons.”

Salaries and wages paid registered an increase of RM1.1 billion, or 3.6 per cent year-on-year. The increment was attributed to Wholesale & Retail Trade and Transportation & Storage sub-sectors which rose RM0.4 billion (+2.6%) and RM0.2 billion (+5.8%), respectively. Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 0.9 per cent to register RM31.8 billion in the third quarter of 2023.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.”

Chart 1: Performance of Services Sector




Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment




Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment




Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment




Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment





Chart 6: e-Commerce income



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
NOVEMBER 9, 2023**